

09/10/1999

Waad bebas 3 tuduhan rasuah

Ziauddin Sharuddin

SEREMBAN, Jumaat - Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Gemencheh, Datuk Waad Mansor, dilepas dan dibebaskan daripada tiga tuduhan rasuah oleh Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Waad, 42, yang juga bekas Ahli Exco Negeri, kelihatan terperanjat sebaik keputusan itu diumumkan Hakim Datuk Mohamad Noor Abdullah. Waad turut bangun serta membongkok hormat kira-kira empat kali ke arah hakim.

Dalam penghakimannya selama lebih sejam, beliau berkata, mahkamah mendapati tertuduh tidak menyalahgunakan kedudukan awamnya untuk mempengaruhi kelulusan pemberian tanah untuk sebuah syarikat yang isterinya adalah seorang anggota pengarah.

Menurutnya, tertuduh percaya isterinya, Noraini Abdul Sattar, sudah meletakkan jawatan berkenaan ketika proses permohonan tanah itu dibincangkan pada peringkat Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin dan Exco.

"Jika ketika mesyuarat, tertuduh tidak mengetahui isterinya mempunyai kepentingan dalam syarikat berkenaan. Dari segi undang-undang, dia tidak menyalahgunakan kedudukannya," katanya.

Katanya, ini disokong keterangan lima saksi, termasuk Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang mempengerusikan mesyuarat Exco yang meluluskan permohonan syarikat berkenaan.

Waad menghadapi tiga tuduhan mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan hingga 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Tuduhan pertama ialah mengambil bahagian dalam keputusan Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin supaya permohonan Syarikat Teraju Nusantara Sdn Bhd untuk memiliki tanah kerajaan di Mukim Repah, Tampin seluas 20.146 hektar secara lesen pendudukan sementara dengan permit dan tanah seluas empat hektar secara pemberian hak milik untuk perusahaan kuari, dibawa ke Exco untuk diluluskan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Tampin kira-kira jam 10 pagi, 21 Disember 1992.

Waad juga dituduh mengambil bahagian dalam keputusan Exco meluluskan pemilikan tanah seluas 28.24 hektar di Mukim Repah secara pajakan selama 60 tahun bagi tujuan perusahaan kuari kepada Teraju Nusantara.

Bagi tuduhan ketiga, beliau didakwa mengambil bahagian dalam keputusan Exco meluluskan permohonan melanjutkan tempoh bayaran premium selama enam bulan ke atas tanah seluas 28.24 hektar di Mukim Repah yang diluluskan kepada Teraju Nusantara pada 28 April 1993.

Tuduhan kedua dilakukan di bilik mesyuarat Exco di sini, kira-kira jam 10 pagi, 28 April 1993, manakala tuduhan ketiga juga di tempat yang sama kira-kira jam 10 pagi, 26 Januari 1994.

Mohamad Noor berkata, keterangan saksi seperti Mohd Isa membuktikan tertuduh percaya isterinya sudah meletakkan jawatan pengarah Teraju Nusantara ketika syarikat itu memohon memiliki tanah.

Katanya, keterangan Menteri Besar diterima kerana diperkuatkan dengan adegan berseloroh apabila Mohd Isa bertanyakan tertuduh, isterinya yang mana satu terbabit.

Tertuduh yang mempunyai dua isteri, pula memberitahu Mohd Isa bahawa isterinya sudah meletakkan jawatan pengarah syarikat itu.

Beliau berkata, mahkamah juga meyakini keterangan guru besar sekolah isteri tertuduh, Zainuddin Madon yang memberitahu tertuduh ada menelefon meminta jasa baiknya supaya memujuk Noraini meletakkan jawatannya sebagai

pengarah Teraju Nusantara.

"Mahkamah yakin Zainuddin berkata benar dan perbualan itu memang wujud," katanya.

Selain itu, katanya, mengikut budaya Melayu, tidak mungkin Waad walaupun berpengalaman luas, merancang perbualannya dengan Menteri Besar dan Zainuddin serta beberapa peristiwa lain yang diterangkan dalam mahkamah.

"Adalah lebih mudah bagi tertuduh mengisytiharkan bahawa dia mempunyai kepentingan dan mahu keluar daripada mesyuarat serta tidak mahu campur tangan. Keluar pun, permohonan akan diluluskan," katanya.

Walaupun membuat keputusan tertuduh tidak menyalahgunakan kedudukan awam seperti dalam tuduhan, hakim menjelaskan kelakuan tertuduh menunjukkannya mempunyai kepentingan dalam kes itu.

Menurutnya, tertuduh menerima pinjaman RM150,000 daripada Datuk Rosie Tan, iaitu pembiaya kewangan Hanro Bina Sdn Bhd, syarikat yang membeli tanah daripada Teraju Nusantara.

Katanya, jumlah pinjaman itu kemudian ditolak daripada harga tanah sebanyak RM1.1 juta.

Selain itu, katanya, tertuduh juga terbabit dalam perbincangan di Hotel Pan Pasific Kuala Lumpur, melawat tapak tanah kuari serta hadir ketika perjanjian jual beli di pejabat Hanro Bina di Damansara.

Waad dibela Christopher Fernando dan Ramzani Idris, manakala pendakwaan oleh Timbalan Pendakwaraya Datuk Abdul Rahim Uda dan Saiful Edris Zainuddin. Bagaimanapun Abdul Rahim tidak hadir hari ini.

Saiful Edris ketika ditemui memberitahu Abdul Rahim akan menentukan tindakan selanjutnya, sama ada membuat rayuan atau memanjangkan perkara itu kepada Peguam Negara.

Waad pula menyerahkan kedudukannya sebagai Adun Gemencheh dan Ketua Umno bahagian Tampin kepada Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)